

JW United Corporation taja 833 *Utusan Malaysia* sempena Bukti UPM

KUALA LUMPUR 15 Mac - JW United Corporation Sdn. Bhd. hari ini menaja sebanyak 833 naskhah akhbar *Utusan Malaysia* sempena Program Bulan Keusahawanan, Kerjaya dan Teknologi Maklumat 2013 (Bukti 2013) yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pengarah Urusannya, Juzairah Wazir berkata, akhbar *Utusan Malaysia* itu diedarkan kepada mahasiswa sempena majlis penutup program tersebut.

Menurutnya, tajaan itu adalah sebagai galakan kepada mahasiswa untuk membudayakan amalan membaca selain mendedahkan mereka dengan ilmu pengurusan perniagaan di UPM.

Tambah beliau, usaha itu juga bagi memberi kesedaran kepada mahasiswa bahawa akhbar merupakan bahan bacaan yang penting dalam memberikan informasi semasa dari dalam dan luar negara.

"Selain bacaan buku ilmiah, akhbar *Utusan Malaysia* juga dapat memberikan maklumat bermanfaat kepada mahasiswa kerana mempunyai pelbagai bahan berita ekonomi dan dunia keusahawanan dari dalam dan luar negara," katanya ketika berucap dalam majlis penutup Bukti 2013 di Panggung Percubaan UPM, di sini hari ini.

Sempena program bulan keusahawanan itu, pelbagai aktiviti diada-

kan seperti Ceramah Usahawan 1 Kerjaya yang dianjurkan sendiri JW United Corporation, pertandingan Catur Bestari, pertandingan Video Lagu Rasmi Kolej Kedua UPM dan banyak lagi.

Juzairah berkata, program itu sewajarnya diadakan di seluruh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di negara ini bagi menyahut seruan kerajaan melahirkan golongan usahawan muda berkelulusan tinggi dan berinovasi.

"Bukti 2013 yang diadakan bermula 22 Februari lalu terbukti dapat mendidik dan mendedahkan mahasiswa tentang dunia sebenar keusahawanan," katanya.



JUZAIRIAH Wazir (kiri) mengedarkan akhbar *Utusan Malaysia* kepada mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) semasa majlis penutupan Bulan Keusahawanan, Kerjaya dan Teknologi Maklumat di UPM, Serdang, Selangor semalam.